

UCAPAN YB TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA
MALAYSIA

YB DATUK ROSNAH BINTI HJ. ABDUL RASHID SHIRLIN

DI MAJLIS ***FLAG OFF ROCK SHED***

KERJA-KERJA PEMBINAAN SEMULA CERUN DI
LALUAN FT185, SEKSYEN 46.0, JALAN SIMPANG PULAI
– BLUE VALLEY, PERAK

PADA 24 JANUARI 2017

Yang Dihormati Saudara/Saudari Pengacara Majlis

YB Dato' Zainol Fadzi Paharuddin

Exco Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air
Negeri Perak

Ahli-Ahli Yang Berhormat

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Kerajaan

Wakil-Wakil Media Massa

YBhg. Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang
Dihormati Sekalian

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita diberi peluang untuk bersama-sama di Majlis **flag off rock shed** di Seksyen 46 Laluan Persekutuan 185 Jalan Simpang Pulai, Perak ke Kuala Berang, Terengganu.

2. Untuk makluman hadirin sekalian, kerja-kerja pembinaan semula cerun ini telah dilaksanakan secara konvensional di mana rekabentuk pembaikan cerun ini dibuat secara rekabentuk dalaman oleh jurutera-jurutera Cawangan Kejuruteraan Cerun (CKC) dan JKR Daerah Kinta.

3. Laluan FT185 Jalan Simpang Pulai, Perak ke Kuala Berang, Terengganu ini merupakan 'lebuhraya Kedua Timur Barat' yang merentasi rupa bumi bergunung ganang. Pembinaan laluan FT185 ini terdiri daripada 8 pakej di mana kerja-kerja pembinaan semula cerun di Seksyen 46 ini terletak di dalam pakej 2.

4. Bagi membolehkan jajaran jalanraya di bina, kawasan pergunungan telah dipotong dengan ketinggian di antara 24m hingga 60m mengikut penjajaran jalan dan topografi. Walaubagaimanapun, beberapa siri runtuh setempat (*localized landslides*) telah berlaku sejak tahun 1999 iaitu di permulaan kerja-kerja tanah serta pemotongan cerun tersebut.

5. Pelbagai langkah serta kaedah pengukuhan telah digunakan seperti *soil nailing*, *guniting* serta kerja-kerja perparitan, namun gagal untuk menghentikan pergerakan dan runtuh tanah tersebut.

6. Secara umumnya, geologi di kawasan runtuh tanah ini dilipisi oleh batuan *schist* terluluhawa yang sering menyebabkan ketidakstabilan cerun. Kajian pada tahun 2010 yang telah dilaksanakan oleh Cawangan Kejuruteraan Cerun dengan bantuan pakar-pakar geofizik dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan pakar geomorfologi dari Universiti Malaya mengesahkan bahawa lokasi cerun potong ini bermasalah di mana terdapat sekurang-kurangnya 44 parut tanah runtuh (*landslide scars*) di bahagian atas jajaran jalan di lokasi ini.

Hadirin sekalian,

7. Pemahaman terhadap geomorfologi setempat dalam menentukan jajaran jalanraya atau kawasan pembangunan amatlah penting agar rekabentuk yang disediakan bebas dari masalah-masalah yang berterusan. Diharap pengajaran yang diperolehi daripada masalah tanah runtuh di kawasan ini memberi pengajaran kepada perekabentuk-perekabentuk dalam melaksanakan kerja-kerja penjajaran dan rekabentuk jalan.

8. Secara dasarnya penstabilan cerun di lokasi ini adalah mustahil dilaksanakan secara kejuruteraan cerun mengikut amalan biasa. Justeru dengan itu, Cawangan Kejuruteraan Cerun telah mencadangkan agar struktur *half tunnel* yang lebih dikenali di seluruh dunia sebagai *rock shed* diperingkat antarabangsa dibina bagi melindungi jajaran jalan dari tertimbus sekiranya runtuh tanah terjadi sekaligus menyelamatkan pengguna laluan tersebut. Pada masa yang sama, kerja-kerja tanah dari pemotongan bukit dapat dikurangkan seterusnya mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar. Kaedah *rock shed* ini banyak digunapakai di negara-negara luar seperti Jepun dan Switzerland.

Hadirin sekalian,

9. Saya berasa amat berbangga kerana rekabentuk *rock shed* ini telah dilaksanakan secara rekabentuk dalaman oleh jurutera-jurutera di Cawangan Kejuruteraan Cerun dan JKR Daerah Kinta, sekaligus membuktikan bahawa JKR mampu melahirkan jurutera-jurutera yang berkebolehan dan berkepakaran sebagaimana jurutera-jurutera dari luar negara.

10. *Rock shed* ini telah dibina dengan panjang keseluruhan 344 meter dengan kemudahan 2 lorong 2 hala.

11. Kerja-kerja pembaikan cerun ini telah dimulakan pada 29 Januari 2014 dan akan siap pada 8 Februari 2017 dengan nilai kontrak pembaikan cerun sebanyak **Ringgit Malaysia Dua Puluh Dua Juta Tiga Ratus Tiga Puluh Sembilan Ribu (RM22,339,000.00)**.

12. Laluan FT185 ini merupakan antara jalan utama yang menghubungkan Simpang Pulai – Gua Musang – Kuala Berang. Ianya juga merupakan laluan alternatif lori-lori sayur serta pelancong dari Utara ke Cameron Highlands selain jalan sedia ada Tapah ke Cameron Highlands.

13. Sesungguhnya bukan mudah untuk merialisasikan projek ini tanpa sokongan dari semua pihak yang terlibat bermula dari peringkat kajian, rekabentuk, perolehan dan pembinaan. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat iaitu Kementerian Kerja Raya, Cawangan Kejuruteraan Cerun selaku Ketua Pasukan Projek Dan Ketua Pasukan Rekabentuk, JKR Negeri Perak sebagai Pegawai Penguasa, JKR Daerah Kinta sebagai Wakil Pegawai Penguasa dan pihak kontraktor iaitu JatiEstetika Sdn Bhd.

14. Akhir kata, bagi pihak YB Menteri Kerja Raya saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan *rock shed* di Seksyen 46 Laluan Persekutuan 185 Jalan Simpang Pulai, Perak – Blue Valley, Perak ini.

Sekian, terima kasih.